



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***TINGKAH LAKU KEJURULATIHAN
DALAM KALANGAN JURULATIH SEPENUH MASA DI MALAYSIA***

TOR SOCK WEI

FPP 2016 53



**TINGKAH LAKU KEJURULATIHAN
DALAM KALANGAN JURULATIH SEPENUH MASA DI MALAYSIA**

Oleh
TOR SOCK WEI

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia, sebagai Memenuhi Keperluan untuk
Ijazah Master Sains**

Ogos 2016

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersial daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersial bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia
sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sains

TINGKAH LAKU KEJURULATIHAN DALAM KALANGAN JURULATIH SEPENUH MASA DI MALAYSIA

Oleh

TOR SOCK WEI

Ogos 2016

Pengerusi : **Kok Lian Yee, PhD**
Fakulti : **Pengajian Pendidikan**

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis tingkah laku kejurulatihan dalam kalangan jurulatih sepenuh masa di Malaysia. Seramai 1087 orang atlet dan 72 orang jurulatih dari Sekolah Sukan, liga hoki, liga perdana bola sepak, liga super bola sepak, dan kelab gimnastik terlibat dalam kajian ini. Kajian tinjauan ini menggunakan soal selidik *Coaching Behavior Scale for Sport* (CBS-S, 1999) bagi mengukur tingkah laku kejurulatihan. Analisis deskriptif dan ujian-t digunakan untuk menganalisis data yang diperolehi.

Analisis tingkah laku secara keseluruhan menunjukkan bahawa sub-skala kemahiran teknikal berada di kedudukan pertama ($M= 5.36$, $SD= .96$), diikuti dengan persediaan mental ($M= 5.18$, $SD= 1.10$), latihan suaian fizikal ($M= 5.08$, $SD= .91$), penetapan matlamat ($M= 5.08$, $SD= 1.10$), hubungan peribadi ($M= 4.98$, $SD= .86$), strategi pertandingan ($M= 4.96$, $SD= .89$) dan hubungan peribadi negatif ($M= 2.96$, $SD= 1.49$). Analisis ujian-t Welch menunjukkan hanya penetapan matlamat ($p < 0.05$) dan hubungan peribadi ($p < 0.05$) mempunyai perbezaan yang signifikan antara atlet lelaki dan perempuan. Bagi atlet pelajar dan atlet bukan pelajar terdapat perbezaan signifikan bagi ketujuh-tujuh sub-skala yang diuji. Manakala, tidak terdapat perbezaan signifikan antara atlet sukan individu dan sukan berpasukan bagi semua sub-skala tingkah laku kejurulatihan.

Kesimpulannya, terdapat perbezaan signifikan dalam sub-skala penetapan matlamat dan hubungan peribadi di antara atlet berbeza jantina kerana jurulatih lebih kerap berbincang dengan atlet lelaki yang bersifat bersaing untuk mencapai matlamat prestasi. Manakala, bagi atlet pelajar dan bukan pelajar terdapat perbezaan signifikan dalam kesemua tingkah laku kerana perbezaan perkembangan fizikal dan mental atlet pada setiap peringkat umur. Dapatan kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan tingkah laku di antara atlet sukan individu dan sukan berpasukan yang mungkin disebabkan oleh

kebanyakan jurulatih mengutamakan kemahiran teknikal dalam semua jenis sukan. Dapatan kajian membantu memberi maklum balas yang praktikal dan berkesan kepada jurulatih tentang tingkah laku kejurulatihan mereka dan membolehkan jurulatih menggunakan maklumat ini dalam perancangan latihan dan semasa pertandingan.



Abstract of thesis presented to the Senate of University Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the degree of Master of Science

COACHING BEHAVIOR AMONG FULL-TIME COACHES IN MALAYSIA

By

TOR SOCK WEI

August 2016

Chairman : Kok Lian Yee, PhD
Faculty : Educational Studies

This study aimed to analyze the coaching behavior among full-time coaches in Malaysia. A total of 1087 athletes from the Sports School, hockey league, premier league football, super league football, and gymnastic clubs were involved in this study. The survey used Coaching Behavior Scale for Sport (CBS-S, 1999) to measure coaching behavior. Descriptive analysis and t-test were used to analyze the collection data.

The overall behavior analysis indicates that sub-scale technical skills was ranked first (M= 5.36, SD= .96), followed by mental preparation (M= 5.18, SD= 1.10), physical conditioning training (M= 5.08, SD= .91), goal setting (M= 5.08, SD= 1.10), personal rapport (M= 4.98, SD= .86), competition strategies (M= 4.96, SD= .89) and negative personal rapport (M=2.96, SD= 1.49). Welch t-test analysis showed that only goal setting ($p < 0.05$) and personal rapport ($p < 0.05$) were significant differences between male and female athletes. For student athletes and non-student athletes, there were no significant differences for all the seven sub-scales. However, there were significant differences between individual and team sports athletes for all sub-scales of coaching behavior.

In conclusion, there were significant differences in sub-scales of goal setting and personal rapport between athletes of different genders because coaches often discuss with male athletes who are competitive to achieve their performance goals. Whereas for student athletes and non-student athletes, there were significant differences in all the behavioral sub-scales because of differences in physical and mental development of athletes at all age. The findings also suggest that there is no behavioral difference between individual and team sports that may be caused by most coaches emphasizing technical skills in all kinds of sports. The findings help to provide practical and effective feedback to coaches on their coaching behavior and allow coaches to use this information in planning their training and during competition.

PENGHARGAAN

Kajian ini telah dihasilkan dengan berjaya di bawah pelbagai pihak, tesis ini tidak mungkin dapat diselesaikan tanpa bantuan daripada mereka. Di sini, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada beberapa pihak tertentu atas tunjuk ajar yang diberikan sepanjang kajian ini dijalankan. Yang pertama kepada Dr Kok Lian Yee dan Dr Chee Chen Soon selaku penyelia dan ahli jawatankuasa tesis di atas segala tunjuk ajar, dorongan, dan sentiasa sedia meluangkan masa untuk berkongsi ilmu mereka dengan saya. Selain itu, ucapan terima kasih tidak terhingga saya kalungkan pada pensyarah Institusi Pendidikan Ilmu Khas, Dr Teng Siew Lian yang selalu memberi bimbingan dan kata-kata semangat kepada saya. Saya juga ingin menyampaikan penghargaan kepada En Gananathan M. Nadarajah dan Cik Noor Haslina Binti Hashim yang telah membantu dalam penterjemahan dan penyemakan soal selidik. Tidak terlupa juga rakan-rakan seperjuangan UPM yang sentiasa meluangkan masa berkongsi ilmu dan membantu semasa proses pengumpulan data.

Penghargaan dan terima kasih juga ditujukan khas kepada keluarga, ibu bapa yang dikasihi Tor Soong Cheng dan Tan Koay Eng serta rakan Nicolas Tan Ching Wi yang sentiasa memberi sokong dari segi moral, semangat dan kewangan dalam membayar yuran pengajian. Akhir sekali, terima kasih yang tidak terhingga kepada sesiapa yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan tesis ini. Segala bantuan, sokongan dan tunjuk ajar yang diberi akan saya ingati.


Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 29 Ogos 2016 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Tor Sock Wei bagi menilai tesis beliau yang bertajuk "Tingkah Laku Kejurulatihan dalam Kalangan Jurulatih Sepenuh Masa di Malaysia" mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Master Sains

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

Tengku Fadilah binti Tengku Kamalden, PhD
Pensyarah Kanan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Aminuddin bin Yusof, PhD
Profesor
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Nelfianty binti Mohd Rasyid, PhD
Profesor Madya
Universiti Pendidikan Sultan Idris
Malaysia
(Pemeriksa Luar)



NOR AINI AB. SHUKOR, PhD
Profesor dan Timbalan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 22 November 2016

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sains. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Kok Lian Yee, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Pengajian Sukan
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Chee Chen Soon, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Pengajian Sukan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

BUJANG KIM HUAT, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/ fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Univerisiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____

Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik: Tor Sock Wei, GS 27351

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan

Dengan ini, diperakui bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: _____

Nama Pengerusi
Jawatankuasa
Penyeliaan

Kok Lian Yee, PhD

Tandatangan: _____

Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan

Chee Chen Soon, PhD

JADUAL KANDUNGAN

	Muka Surat
ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	iv
PENGESAHAN	v
PENGAKUAN	vii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xiii
BAB	
1	
PENDAHULUAN	
Pengenalan	1
Latar Belakang Kajian	2
Pernyataan Masalah	4
Objektif Kajian	7
Persoalan Kajian	7
Kepentingan Kajian	8
Skop dan Limitasi Kajian	9
Definisi Operasional	10
Tingkah Laku Kejurulatihan	10
Jurulatih Sepenuh Masa	10
Atlet Yang Melatih Sepenuh Masa	11
Atlet Pelajar	11
Atlet Bukan Pelajar	11
Atlet Sukan Individu	11
Atlet Sukan Berpasukan	11
2	
SOROTAN LITERATUR	
Pengenalan	12
Sukan Secara Umum	12
Sukan dan Jurulatih	13
Peranan Jurulatih	13
Tingkah Laku Jurulatih Yang Berkesan	14
Kajian Tingkah Laku Jurulatih Dan Kepuasan Atlet	16
Kajian Tingkah Laku Jurulatih Daripada Persepsi Jantina Atlet	17
Instrumen Penilaian Keberkesanan Tingkah Laku Kejurulatihan	17
Skala Tingkah Laku Kejurulatihan Dalam Sukan (CBS-S)	20
Terminologi Untuk Skala Tingkah Laku Kejurulatihan Dalam Sukan (CBS)	22
Kerangka Konseptual	23
Rumusan Bab	24

3	METODOLOGI KAJIAN	
	Pengenalan	25
	Reka Bentuk Kajian	25
	Populasi dan Sampel Kajian	25
	Instrumen Kajian	27
	Prosedur Alih Bahasa	30
	Kajian Rintis	31
	Ujian Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	31
	Prosedur Kajian	32
	Proses Pengumpulan Data	34
	Analisis data	35
4	DAPATAN KAJIAN	
	Pengenalan	37
	Data Demografi	37
	Kumpulan Responden	37
	Jantina Responden	38
	Kategori Atlet Pelajar Dan Bukan Pelajar	38
	Jenis Sukan Individu Dan Berpasukan	39
	Ujian Kesahan Konstruk Dengan Analisis Faktor (Exploratory Factor Analysis)	39
	Ujian Kebolehpercayaan Instrumen Kajian Sebenar	43
	Analisis Setiap Sub-Skala Secara Keseluruhan	44
	Analisis Mengikut Kumpulan Responden	44
	Sekolah Sukan	45
	Jurulatih Hoki Liga Malaysia	46
	Jurulatih Bola Sepak Liga Perdana Dan Liga Super	47
	Jurulatih Kelab Gimnastik	47
	Perbezaan Persepsi Atlet Berasaskan Jantina	48
	Perbezaan Persepsi Atlet Pelajar Dan Atlet Bukan Pelajar	50
	Perbezaan Jurulatih Sukan Individu Dan Sukan Berpasukan	50
	Rumusan Dapatan Utama	51
5	PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN	
	Pengenalan	53
	Perbincangan	53
	Persepsi Atlet Secara Keseluruhan dan Mengikut Kumpulan Responden	54
	Persepsi Atlet Berasaskan Jantina	57
	Persepsi Atlet Pelajar dan Atlet Bukan Pelajar	58
	Jurulatih Sukan Individu dan Sukan Berpasukan	59
	Implikasi	60
	Cadangan	61
	RUJUKAN	63
	LAMPIRAN	71
	BIODATA PELAJAR	85

SENARAI JADUAL

Jadual		Muka Surat
3.1	Tujuh Tahap Pemarkahan Skala Likert	29
3.2	Pengkelasan Skala Likert	30
3.3	Ketekalan Dalaman (<i>Internal Consistency</i>)	32
3.4	Rumusan Analisis Respon Yang Lengkap	35
3.5	Jenis Analisis Statistik Mengikut Persoalan Kajian	36
4.1	Frekuensi, Peratusan dan Umur Responden berdasarkan Kumpulan Responden	38
4.2	Frekuensi dan Peratusan Responden berdasarkan Jantina	38
4.3	Frekuensi dan Peratusan Responden berdasarkan Kategori Atlet Pelajar dan Atlet Bukan Pelajar	39
4.4	Frekuensi dan Peratusan Responden berdasarkan Jenis Sukan	39
4.5	Keputusan Ujian Kaiser-Meyer-Olkin dan Bartlett's	40
4.5.1	Ujian KMO dan Bartlett's bagu Sub-skala Latihan Suaian Fizikal	41
4.5.2	Ujian KMO dan Bartlett's bagu Sub-skala Kemahiran Teknikal	41
4.5.3	Ujian KMO dan Bartlett's bagu Sub-skala Persediaan Mental	41
4.5.4	Ujian KMO dan Bartlett's bagu Sub-skala Penetapan Matlamat	42
4.5.5	Ujian KMO dan Bartlett's bagu Sub-skala Strategi Pertandingan	42
4.5.6	Ujian KMO dan Bartlett's bagu Sub-skala Hubungan Peribadi	42
4.5.7	Ujian KMO dan Bartlett's bagu Sub-skala Hubungan Peribadi Negatif	43
4.6	Pekal Alfa (<i>Cronbach's Alfa</i>) Kajian Sebenar	43
4.7	Analisis Setiap Sub-skala Secara Keseluruhan	44

4.8	Rumusan Kedudukan Sub-skala Semua Kumpulan Responden	45
4.9	Skor Min Tingkah Laku Kejurulatihan Jurulatih Sekolah Sukan	46
4.10	Skor Min Tingkah Laku Kejurulatihan Jurulatih Hoki	46
4.11	Skor Min Tingkah Laku Kejurulatihan Jurulatih Bola Sepak	47
4.12	Skor Min Tingkah Laku Kejurulatihan Jurulatih Gimnastik	48
4.13	Skor Min Tingkah Laku Kejurulatihan Berasaskan Jantina	48
4.14	Perbandingan Tingkah Laku Kejurulatihan Berasaskan Jantina	49
4.15	Perbandingan Tingkah Laku Kejurulatihan Daripada Persepsi Atlet Pelajar dan Atlet Bukan Pelajar	50
4.16	Perbandingan Tingkah Laku Kejurulatihan Jurulatih Sukan Individu dan Sukan Berpasukan	51

SENARAI RAJAH

Rajah		Muka Surat
2.1	Kerangka Konseptual Model Teori Sistem Penilaian Tingkah Laku Kejurulatihan, CBAS (Smoll & Smith, 1984)	18
2.2	Kerangka Konseptual Model Teori Tingkah Laku Kejurulatihan, CM (Cote, 1998)	20
2.3	Kerangka Konseptual Model Teori Tingkah Laku Kejurulatihan Dalam Sukan, CBS-S (Cote, 1999)	21
2.4	Kerangka Konseptual	23
3.1	Langkah-langkah Kajian	33

BAB 1

PENDAHULUAN

Pengenalan

Dari dulu sampai sekarang, sukan merupakan aktiviti fizikal yang dilakukan oleh semua lapisan masyarakat untuk pelbagai tujuan seperti untuk pertandingan, pembangunan kemahiran, aktiviti riadah untuk keseronokan dan sebagainya. Tidak kira apa tujuan sesuatu sukan itu, misalnya berlari secara persaingan di hadapan ribuan penonton atau berlari berseorangan di taman, sukan telah menjadi salah satu aspek yang penting untuk sesebuah masyarakat dan negara. Ia memberi kesan ke atas pelbagai arena awam seperti ekonomi dan media massa. Dalam budaya dan nilai masyarakat, sukan bukan sahaja cuba untuk menentukan nilai moral dan etika atlet, tetapi keseluruhan masyarakat yang terlibat (Macri, 2012).

Semua bidang sukan selalunya melibatkan tiga pemboleh ubah yang asas iaitu interaksi antara atlet, jurulatih dan persekitarannya. Tiga pemboleh ubah ini sentiasa berkait rapat kerana hubungan jurulatih dengan atlet mempengaruhi persepsi atlet, dan persepsi jurulatih dipengaruhi oleh sikap dan reaksi atlet mereka. Tiga pemboleh ubah ini menerangkan kekuatan pengaruh jurulatih ke atas atlet mereka dalam pembangunan dan prestasi sukan (Cote, Yardley, Hay, Sedgwick, & Baker, 1999).

Di Malaysia, atlet negara telah menunjukkan prestasi yang cemerlang semasa Sukan Asia yang dipertandingkan di Incheon, Korea Selatan dan Sukan Komanwel yang berlangsung di Glasgow, Scotland pada tahun 2014. Tetapi kontingen negara kita telah dikenakan denda sejumlah RM146,118 oleh pihak penganjur kerana atlet kita telah melakukan vandalisme ketika menyertai kedua-dua pertandingan ini (Bernama, 2015). Hal ini telah memberi satu tamparan yang besar terhadap arena sukan di negara Malaysia. Apa masalah yang telah berlaku dengan atlet negara? Atau jurulatih yang patut dipertanggungjawabkan?

Dalam sukan, tanggungjawab jurulatih bukan sahaja terhad dalam meningkatkan prestasi atlet, mereka juga memainkan pelbagai peranan dalam bidang kejurulatihan iaitu sebagai seorang guru, mentor, dan pemimpin yang memberi tauladan yang baik kepada atlet mereka (Martens, 2012). Oleh itu, matlamat utama jurulatih bukan sahaja untuk membentuk atlet yang berjaya dalam meningkatkan dan mengekalkan prestasi yang cemerlang sepanjang musim pertandingan, jurulatih juga perlu menunjukkan tingkah laku dan tauladan yang baik dalam membentuk keperibadian atlet mereka kerana tingkah laku seorang jurulatih semasa melatih atlet mereka

memberi kesan yang signifikan ke atas prestasi sukan dan keseronokan semasa latihan (Haslam & Smith, 2002).

Setiap tahun semakin banyak kanak-kanak dan remaja menyertai pelbagai aktiviti sukan di seluruh dunia. Semakin ramai jurulatih diperlukan untuk menampung keperluan penyertaan sukan dan jurulatih merupakan orang yang paling penting dalam menentukan kualiti dan prestasi atlet mereka, akan tetapi, di Malaysia hanya terdapat sedikit kajian yang menilai tingkah laku yang diperlukan dan faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesanan tingkah laku kejurulatihan. Oleh itu, kajian tingkah laku kejurulatihan perlu dijalankan dengan lebih luas untuk memperkukuhkan pengetahuan jurulatih dalam bidang sains kejurulatihan (Lyle, 2002).

Latar Belakang Kajian

Sejak sebelum abad ke-21, penyelidik kejurulatihan sukan telah mencadangkan bahawa kejurulatihan adalah gabungan bidang seni dan bidang sains yang mengambil kira kedua-dua pengetahuan saintifik dan penggunaan kaedah saintifik, serta mengaplikasikan pengetahuan dan kaedah itu melalui bakat jurulatih (Gambetta, 2007). Bidang sains merupakan pengetahuan jurulatih dalam sains sukan seperti fisiologi, biomekanik, perancangan strategi, analisis pertandingan dan psikologi sukan dalam membantu meningkatkan prestasi atlet. Manakala, seni dikaitkan dengan pendekatan yang digunakan oleh jurulatih untuk berlatih, menerima input secara kreatif dan kemahiran mengaplikasikan pengetahuan sains yang telah dibina melalui pengalaman. Ramai yang percaya bahawa peranan jurulatih pada masa ini bukan sahaja mempunyai tanggungjawab untuk melatih atlet, malahan beliau perlu menggunakan peluang yang ada semasa latihan untuk membentuk remaja dan belia yang positif (Conroy & Coatsworth, 2007). Oleh itu, cabaran seorang jurulatih bukan sahaja melahirkan atlet yang berjaya tetapi perlu membentuk keperibadian, karakter dan memupuk integriti dalam kalangan atlet.

Untuk membentuk keperibadian dan karakter atlet yang positif, jurulatih perlu menunjukkan tauladan dan contoh yang baik kepada atlet. Ini kerana tingkah laku jurulatih itu sendiri dapat mempengaruhi pembentukan keperibadian dan karakter atlet itu. Bukan sahaja tingkah laku jurulatih semasa latihan dan semasa pertandingan mempunyai pengaruh terhadap atletnya, malahan ketika tidak berlatih juga mempunyai impak dan pengaruh yang besar kepada atlet mereka (Stewart & Owens, 2011). Tidak kira sejauh mana pencapaian seseorang atlet tersebut, pengaruh jurulatih memberi kesan mendalam terhadap atlet (Baker, Yardley & Cote, 2003). Oleh itu, jurulatih haruslah menunjukkan tingkah laku dan sikap yang baik agar mereka menjadi inspirasi kepada atlet.

Tingkah laku seseorang jurulatih dalam membimbing atlet mereka selalunya dinilai berdasarkan pencapaian atlet mereka (Pensgaard & Roberts, 2002). Tingkah laku kejurulatihan merupakan salah satu kunci kejayaan atlet dan ianya selalu tidak diambilkira. Jurulatih jarang dinilai dari segi kualiti peningkatan latihan, hubungan mereka dengan atlet dan pengaruh persekitaran. Masih terdapat banyak persoalan bagaimana jurulatih dikatakan berkesan dan berjaya serta bagaimana ianya patut dinilai.

Kajian Baker, Yardley dan Cote (2003) menunjukkan bahawa kepuasan seseorang atlet berkait rapat dengan tingkah laku jurulatihnya dan bukan kerana pencapaian prestasi pasukan. Kajian ini juga menyatakan bahawa tingkah laku jurulatih yang positif adalah faktor utama dalam mempengaruhi prestasi atlet. Dengan ini, jurulatih yang mempunyai tingkah laku yang positif akan mempengaruhi atlet mereka dan menjadi tauladan (Stewart & Owens, 2011). Selain itu, satu kajian telah meneliti hubungan antara tingkah laku jurulatih dan kejayaan sesebuah pasukan dengan menggunakan Skala Kepimpinan Sukan (*Leadership in Sports Scale*, Chelladurai & Saleh, 1980) dan mendapati bahawa tingkah laku seseorang jurulatih mempunyai kesan yang mendalam terhadap prestasi pasukannya (Stewart & Owens, 2011).

Terdapat beberapa instrumen untuk mengukur tingkah laku jurulatih sukan yang telah dibentuk oleh Martin dan Barnes (1999), Zhang, Jensen dan Mann (1997), Chelladurai dan Saleh (1980), serta Smith, Smoll dan Hunt (1977). Daripada pelbagai instrumen ini, instrumen yang paling kerap digunakan adalah LSS (Chelladurai & Saleh, 1980). Model LSS menilai kaedah latihan dan aspek kepimpinan tingkah laku jurulatih seperti demokrasi, autokrasi, sokongan sosial dan pemberian ganjaran. Walau bagaimanapun, beberapa pengkaji (Cote, Yardley, Sedgwick & Dowd, 1996) mendapati LSS mempunyai beberapa masalah psikometri. Kandungan instrumen LSS lebih berfokus terhadap tingkah laku jurulatih semasa latihan. Sebagai contoh, tahap ketekalan dalaman sub-skala tingkahlaku autokratik LSS tidak konsisten dan nilai pekali alfa yang rendah. LSS juga tidak mengukur kualiti peningkatan latihan atau hubungan jurulatih dengan atlet dan persekitaran. Terdapat beberapa kajian yang menyatakan bahawa instrumen ini mempunyai kelemahan dan ianya menghadkan perspektif tingkah laku kejurulatihan secara keseluruhan (Sullivan & Kent, 2003; Shields, Gardner, Bredemeier, & Bostro, 1997). Tambahan lagi, LSS tidak dapat memberi fakta yang tepat dan kurang berkesan dalam membantu jurulatih memperbaiki tingkah laku mereka (Walach-Bista, 2014).

Selain LSS, terdapat satu instrumen yang dinamakan '*The Coaching Behaviour Assessment System*', CBAS (Smith, Smoll, & Hunt, 1977) yang telah direka untuk menilai dan mengukur tingkah laku jurulatih. Model CBAS ini mengkaji hubungan antara jurulatih dan atlet dengan mengambil kira ciri-ciri individu daripada perspektif dan faktor-faktor keadaan semasa sesi latihan. Akan tetapi, instrumen ini hanya digunakan semasa sesi latihan dijalankan dan tidak menilai semua aspek dari segi struktur organisasi di luar

sesi latihan seperti perancangan dan penetapan matlamat. Model LSS dan CBAS lebih memberi tumpuan kepada kerangka teori mengenai aspek-aspek khusus kejurulatihan tetapi tidak memberikan apa-apa maklumat mengenai pengalaman jurulatih dan atlet.

Kekurangan instrumen LSS dan CBAS boleh dikatakan telah memberi hala tuju kepada pembinaan satu instrumen yang dinamakan '*The Coaching Behaviour Scale for Sport*', CBS-S (Cote, Yardley, Hay, Sedgwick, & Baker, 1999). CBS-S telah dibina untuk mengukur kualiti tingkah laku kejurulatihan sukan daripada persepsi atlet. Model CBS-S ini dapat mengumpul maklumat yang lebih khusus dan menilai tingkah laku yang ditunjukkan oleh jurulatih dalam tiga komponen iaitu semasa latihan, pertandingan dan pengurusan pasukan menurut persepsi atlet. Model CBS-S mempunyai tujuh sub-skala tingkah laku jurulatih yang telah dibentuk hasil daripada cadangan jurulatih dan atlet sebagai aspek-aspek yang penting dalam kejurulatihan sukan prestasi tinggi. Tujuh sub-skala tingkah laku jurulatih yang dinilai oleh atlet dalam CBS-S ini meliputi latihan suaian fizikal, kemahiran teknikal, persediaan mental, penetapan matlamat, strategi pertandingan, hubungan peribadi dan hubungan peribadi yang negatif. Atlet boleh menilai jurulatih mereka dengan skala likert antara 1 (tidak pernah) sehingga 7 (selalu) dalam setiap item yang ditanya.

Kejurulatihan sukan merupakan satu bidang yang merangkumi pelbagai aspek dan untuk menguasai setiap aspek adalah agak mencabar bagi jurulatih. Jurulatih bukan sahaja perlu melatih dan meningkatkan prestasi atlet, tetapi juga perlu menangani aspek pengurusan serta mengendali hubungan yang positif dan menunjukkan tingkah laku yang baik. Dengan penggunaan instrumen CBS-S ini, data kuantitatif dalam tingkah laku kejurulatihan dapat dikumpul dan dianalisis untuk memberi maklum balas yang lebih terperinci kepada jurulatih supaya bantu mereka menambah baik kemahiran kejurulatihan mereka.

Pernyataan Masalah

Sukan merupakan salah satu agen yang penting untuk meningkatkan nama negara di mata dunia secara adil tanpa sebarang unsur politik (International Olympic Committee, 2013). Di Malaysia, berita yang berkaitan dengan sukan bola sepak, badminton, hoki, skuasy, lumba basikal, acara terjun air dan sebagainya sentiasa menjadi tumpuan peminat sukan negara kita. Pencapaian dan prestasi mereka pada setiap perlawanan sentiasa dinanti-nanti dengan penuh harapan.

Kejayaan yang dicapai oleh raja badminton Malaysia, Dato Lee Chong Wei dan ratu skuasy Negara, Nicole Ann David menunjukkan bahawa wujudnya usaha gigih atlet dan jurulatih dalam pencapaian dalam sukan. Pencapaian mereka sentiasa menaikkan semangat rakyat Malaysia. Oleh itu, negara kita

memerlukan lebih ramai pelapis yang akan mengharumkan nama negara seperti Dato Lee Chong Wei dan Nicole Ann David. Persoalannya, prestasi pelapis negara kita sentiasa tidak konsisten? Walaupun segala kemudahan dan kelengkapan sukan yang canggih telah disediakan dan menggunakan perkhidmatan jurulatih import, namun masih kekurangan pelapis muda yang berjaya. Menurut Dato Lee Chong Wei, tingkah laku jurulatih semasa latihan dan pertandingan memainkan peranan yang penting dalam mendorong seseorang pemain untuk berjaya (Loh, 2014). Persoalannya kini, apakah tingkah laku jurulatih di negara kita dalam memastikan mutu sukan negara? Dari sudut pemain, adakah pemain negara kurang berbakat dan kurang berkualiti? Atau adakah negara ini kekurangan bakat pemain muda dan atlet pelapis? Dari sudut kejurulatihan pula, adakah jurulatih tempatan negara tidak setanding jurulatih luar negara? Dua persoalan ini sentiasa menjadi buah mulut antara media masa dan masyarakat (The Star, 2014).

Bidang kejurulatihan merupakan satu bidang yang kompleks. Seorang jurulatih yang baik bukan sahaja bertanggungjawab dalam melatih fizikal, kemahiran teknik dan persediaan taktikal atlet, tetapi juga untuk meningkatkan tahap motivasi, hubungan emosi dan pembentukan peribadi atlet tersebut (Walach-Bista, 2014). Menurut Chelladurai (2013), adalah penting untuk jurulatih memahami setiap keperluan dan keinginan atlet untuk memperbaiki kepuasan atlet tersebut. Jurulatih menghabiskan sejumlah besar masa dengan atlet mereka, sering kali atlet menjalin hubungan emosi yang rapat dengan jurulatih dan tingkah laku jurulatih memberi kesan terhadap prestasi atlet mereka. Oleh itu, jurulatih adalah orang yang terbaik mengetahui dan memahami atlet mereka. Akan tetapi, di Malaysia, ramai jurulatih melatih pasukan mereka dengan gaya dan tingkah laku yang mereka rasakan yang terbaik. Kebanyakan jurulatih gagal untuk mengambil kira keperluan dan kehendak atlet mereka. Jurulatih tidak mengetahui sama ada tingkah laku dan gaya latihan yang mereka aplikasikan selama ini berkesan untuk atlet mereka dari segi persepsi atlet (Lyle, 2002). Tingkah laku kejurulatihan yang baik dan disukai oleh atlet boleh membawa kepada peningkatan prestasi atlet. Oleh itu, kajian ini perlu dijalankan untuk menilai tingkah laku kejurulatihan di negara kita.

Tingkah laku kejurulatihan dalam mengendalikan latihan untuk atlet kanak-kanak dan dewasa, atlet yang berbeza jantina serta atlet sukan individu atau berpasukan juga merupakan salah satu faktor untuk atlet mencapai kejayaan yang cemerlang. Latihan yang disediakan untuk atlet kanak-kanak dan atlet dewasa mempunyai perbezaan dari segi kekerapan latihan, bebanan dan intensiti latihan mengikut perkembangan fizikal atlet (Dotan, Mitchell, Cohen, Klentrou, Gabriel, & Falk, 2012). Selain itu, terdapat perbezaan tingkah laku jurulatih dalam membimbing atlet yang berbeza jantina. Jurulatih lebih cenderung menggunakan gaya autokratik kepada atlet lelaki, manakala lebih kerap menggunakan maklum balas positif kepada atlet perempuan (Riemer & Toon, 2013). Akan tetapi, semua atlet lelaki dan perempuan lebih suka tingkah laku jurulatih yang positif dan demokratik (Rengasamy & Wee, 2013). Sukan juga merangkumi pelbagai acara yang dibahagi kepada dua

kategori iaitu sukan individu dan berpasukan yang memerlukan tingkah laku kejurulatihan yang berbeza dalam membimbing atlet mereka. Terdapat kajian yang menyatakan sukan individu lebih mementingkan kemahiran teknikal, manakala sukan berpasukan lebih menekankan latihan fizikal dan perancangan strategi (Arnason, Sigurdsson, Gudmundsson, Holme, Engebretsen, dan Bahr, 2003; Cote, Yardley, Hay, Sedgwick dan Baker, 1999). Tingkah laku kejurulatihan jurulatih di Malaysia masih lagi belum diketahui. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk melihat samada terdapat perbezaan tingkah laku kejurulatihan jurulatih terhadap atlet pelajar dan bukan pelajar, atlet berbeza jantina serta sukan individu dan berpasukan.

Terdapat pelbagai instrumen telah direka bentuk untuk menilai tingkah laku kejurulatihan jurulatih seperti instrumen LSS, CBAS dan CM (*Coaching Model*). Akan tetapi, kebanyakan instrumen tingkah laku kejurulatihan ini mempunyai kelemahan seperti item dinilai oleh jurulatih dari segi persepsi jurulatih itu sendiri, skop penilaian yang terhad atau mempunyai masalah psikometri (Walach-Bista, 2014; Cote, Yardley, Sedgwick & Dowd, 1996). Untuk mengatasi kelemahan ini, instrumen CBS-S telah direkabentuk oleh Cote, Yardley, Hay, Sedgwick dan Baker pada tahun 1999. Instrumen CBS-S mengukur skop yang lebih lengkap kerana ia bukan sahaja menilai dimensi persediaan mental, penetapan matlamat dan hubungan peribadi yang tidak diukur oleh LSS dan CBAS, malahan ia juga menilai faktor-faktor dari segi latihan, pertandingan dan organisasi kejurulatihan. Oleh itu, instrumen CBS-S yang digunakan dalam kajian ini harap dapat menilai tingkah laku kejurulatihan jurulatih yang sebenar di negara kita daripada persepsi atlet. Kajian untuk menilai tingkah laku kejurulatihan dengan menggunakan instrumen CBS-S mungkin membolehkan data kajian yang lebih terperinci dan tepat diperolehi.

Di negara barat, isu berkaitan dengan tingkah laku jurulatih telah lama diberi perhatian (Amorose & Horn, 2000; Horn, Lox, & Labrador, 1998). Banyak penyelidikan mengkaji hubungan antara tingkah laku jurulatih dengan prestasi atlet telah dimulakan dalam abad ini (Koh, Kawabata, & Mallet, 2014; Koh, Mallett, & Wang, 2009; Taliaferro, Rienzo, Miller, Pigg, & Dodd, 2008; Sullivan & Kent, 2003). Di Malaysia, kebanyakan penyelidikan tentang tingkah laku jurulatih adalah dengan menggunakan instrumen LSS (Lee, Shabeshan, & Rengasamy, 2014; Rengasamy, Lee, & Ali, 2013; Din & Miting, 2013). Penyelidikan tingkah laku jurulatih dengan menggunakan instrumen CBS-S adalah amat terhad. Seperti yang telah dibincangkan, instrumen CBS-S ini mengatasi kelemahan dan menilai dimensi yang tidak diukur oleh LSS, kajian ini perlu dilaksanakan untuk mengenal pasti tingkah laku kejurulatihan jurulatih negara kita dengan lebih terperinci. Ini dapat membantu penyelidik kejurulatihan sukan meneliti tingkah laku jurulatih Malaysia dengan lebih jelas.

Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis tingkah laku kejurulatihan dalam kalangan jurulatih sepenuh masa di Malaysia. Instrumen CBS-S digunakan untuk mengukur kualiti tingkah laku kejurulatihan melalui tujuh sub-skala yang mengukur tingkah laku dari segi latihan suaian fizikal, kemahiran teknikal, persediaan mental, penetapan matlamat, strategi pertandingan, hubungan peribadi dan hubungan peribadi negatif daripada persepsi atlet. Dengan itu, lima objektif telah dirancang untuk dijadikan hala tuju kajian ini iaitu:

1. Menganalisis tingkah laku kejurulatihan secara keseluruhan daripada persepsi atlet.
2. Mengenal pasti perbezaan tingkah laku kejurulatihan daripada persepsi atlet sekolah sukan, liga hoki, liga bola sepak dan gimnastik.
3. Mengenal pasti perbezaan tingkah laku kejurulatihan daripada persepsi atlet berasaskan jantina.
4. Mengenal pasti perbezaan tingkah laku kejurulatihan daripada persepsi atlet pelajar dan atlet bukan pelajar.
5. Mengenal pasti perbezaan tingkah laku kejurulatihan di antara jurulatih sukan individu dan jurulatih sukan berpasukan.

Persoalan Kajian

Persoalan kajian adalah berdasarkan objektif kajian yang telah ditetapkan. Persoalan kajian ini akan dapat dijawab pada akhir kajian ini nanti. Tujuan kajian ini adalah untuk menganalisis tingkah laku kejurulatihan dalam kalangan jurulatih sepenuh masa di Malaysia. Bagi mencapai objektif-objektif yang telah disenaraikan di bahagian atas, beberapa soalan kajian telah dibentuk seperti berikut:

Persoalan 1:

Apakah tingkah laku kejurulatihan daripada persepsi atlet?

Persoalan 2:

Adakah terdapat perbezaan tingkah laku kejurulatihan daripada persepsi atlet?

Persoalan 3:

Adakah terdapat perbezaan tingkah laku kejurulatihan daripada persepsi atlet berasaskan jantina?

Persoalan 4:

Adakah terdapat perbezaan tingkah laku kejurulatihan daripada persepsi atlet pelajar dan atlet bukan pelajar?

Persoalan 5:

Adakah terdapat perbezaan tingkah laku kejurulatihan di antara jurulatih sukan individu dan jurulatih sukan berpasukan?

Kepentingan Kajian

Walaupun bukan tindakan yang tepat, prestasi sukan di Malaysia selalu dikaitkan rapat dengan kecekapan jurulatih. Sebagai contoh, dalam sukan bola sepak, jika pasukan Harimau Muda kalah dalam sesuatu perlawanan, jurulatih selalunya perlu bertanggungjawab dan ada masanya dipecat. Namun, adakah kekalahan berpunca daripada tingkah laku jurulatih? Oleh itu, kefahaman yang lebih tentang tingkah laku kejurulatihan mungkin boleh memberi gambaran yang lebih jelas kepada masyarakat tentang apa yang dilakukan oleh jurulatih sepenuh masa di Malaysia daripada persepsi atlet mereka.

Tingkah laku kejurulatihan merupakan salah satu kunci kejayaan atlet dalam sukan. Atlet yang berbeza jantina, atlet pelajar dan atlet bukan pelajar atau atlet sukan yang berlainan, memerlukan tingkah laku kejurulatihan yang berbeza. Contohnya, beban latihan yang dirancang bagi atlet lelaki dan perempuan, atlet pelajar dan bukan pelajar atau atlet berbeza sukan seperti gimnastik dan bola sepak mungkin adalah tidak sama kerana setiap individu dan setiap jenis sukan memerlukan tingkah laku kejurulatihan yang berlainan. Oleh itu, adalah penting untuk jurulatih memahami setiap keperluan dan keinginan atlet untuk merancang latihan yang berkesan.

Analisis tingkah laku kejurulatihan ini dijangka boleh membantu jurulatih mengenal pasti gaya kejurulatihan yang bersesuaian bagi atlet yang berbeza jantina, atlet pelajar dan bukan pelajar, serta atlet pelbagai jenis sukan. Selain itu, jurulatih mungkin lebih memahami setiap keperluan dan keinginan atlet mereka. Diharap juga dengan mengenal pasti tingkah laku kejurulatihan, sedikit sebanyak dapat memperbaiki prestasi sukan di sekolah sukan dan di negara.

Kajian ini diharap dapat memberi pengetahuan dan maklumat yang berguna kepada para jurulatih tentang tingkah laku yang mereka perlu ada. Instrumen CBS-S yang merangkumi tujuh sub-skala tingkah laku ini dapat membantu para jurulatih untuk membuat rumusan tentang gaya kejurulatihan yang diperlukan dalam menghadapi atlet berlainan jantina atau pelbagai jenis sukan. Ia merupakan satu petunjuk kejurulatihan yang akan membantu jurulatih supaya dapat membimbing pemain atau atlet mereka dengan cara yang lebih berkesan dan melatih mereka mencapai prestasi yang lebih cemerlang.

Tambahan daripada itu, diharapkan juga dapatan kajian ini boleh menambahkan maklumat tentang tingkah laku kejurulatihan semasa kepada institusi sukan di Malaysia seperti Majlis Sukan Negara, Institusi Sukan Negara, Kementerian Belia dan Sukan, sekolah-sekolah sukan dan kelab-kelab sukan. Maklumat ini boleh membantu cawangan kejurulatihan Majlis Sukan Negara mereka bentuk program pendidikan jurulatih, mengubah suai kurikulum kejurulatihan dan menganjurkan kursus yang dapat memberi pemahaman serta meningkatkan kesedaran tentang pengaruh tingkah laku jurulatih terhadap atlet. Selain daripada itu, dapatan kajian ini boleh menambahkan literatur kajian dalam bidang kejurulatihan.

Skop dan Limitasi Kajian

Kajian ini dijalankan ke atas empat kategori atlet yang melatih sepenuh masa iaitu atlet di sekolah sukan, pemain liga hoki, pemain liga bola sepak dan atlet-atlet kelab gimnastik. Atlet-atlet yang terlibat adalah dalam lingkungan umur antara 10 sehingga 34 tahun. Mereka pernah mengambil bahagian dalam kejohanan sukan yang dianjurkan oleh Majlis Sukan Sekolah-sekolah, Majlis Sukan Malaysia, dan Sukan Malaysia (SUKMA), serta pertandingan kebangsaan dan pertandingan antarabangsa. Atlet-atlet ini mesti berwarganegara Malaysia dan mesti menyertai sekurang-kurangnya pertandingan di peringkat negeri dan kebangsaan.

Sepanjang masa kajian ini dijalankan, pelbagai limitasi telah wujud. Limitasi utama yang wujud dalam kajian ini termasuk pemilihan atlet-atlet kajian. Sampel kajian yang dipilih adalah terhad kepada atlet-atlet dari kedua-dua sekolah sukan, pemain dari pasukan liga hoki Malaysia, pemain bola sepak dari skuad Liga Perdana dan Liga Super serta atlet dari kelab gimnastik. Data yang dikutip adalah berdasarkan atlet-atlet yang hadir dan mengambil bahagian dalam kajian secara sukarela. Dengan ini, dapatan kajian hanya boleh digeneralisasikan kepada jurulatih sepenuh masa dalam sukan-sukan tersebut sahaja.

Limitasi yang kedua melibatkan tahap berkenalan dan pemahaman atlet terhadap jurulatih mereka dari segi tingkah laku jurulatih serta tempoh mereka latih bersama untuk membolehkan atlet menjawab setiap item soal selidik. Sekiranya, atlet belum mengenali dan kurang memahami tingkah laku jurulatih mereka, ini akan menjejaskan kesahan hasil dapatan kajian. Bagi mengawal ancaman ini, pengkaji telah memilih jurulatih dan atlet yang berlatih sepenuh masa bersama sekurang-kurangnya 2 tahun sebelum kajian bermula. Ini adalah kerana atlet dan jurulatih hanya mula memahami tingkah laku mereka selepas dua tahun bersama (McCann, 2005). Ini membantu pengkaji mengawal kesahan hasil dapatan.

Lokasi sekolah-sekolah sukan di Malaysia adalah di Wilayah Persekutuan dan Johor, manakala latihan untuk pasukan bola sepak dan hoki adalah di

negeri atau kelab masing-masing seperti kelab gimnastik. Semua atlet ini berada di lokasi berbeza mengikut sekolah, pasukan dan kelab masing-masing. Ini bermakna data dikutip secara berasingan kepada kumpulan atlet yang berbeza pada masa dan di tempat yang berlainan. Oleh itu, cara prosedur dan metodologi kajian dikomunikasi kepada responden kajian adalah tercabar. Pengkaji telah menyediakan satu senarai arahan dan penerangan yang tetap. Semua kumpulan atlet diberi arahan penerangan dan bimbingan yang setara semasa kutipan data dijalankan. Soal selidik dwibahasa juga disediakan supaya atlet lebih jelas dengan soalan dan boleh menjawab menggunakan bahasa pilihan. Semua pembantu kajian yang dilantik telah diberikan latihan dan taklimat untuk mengendalikan kutipan data.

Selain itu, terdapat limitasi-limitasi yang wujud di luar kawalan pengkaji seperti sikap kejujuran dan keikhlasan atlet dalam menjawab soal selidik, keadaan emosi atlet yang berbeza setiap hari, dan atlet yang mungkin mempunyai masalah sama ada peribadi dengan jurulatih. Semua ini mungkin menjejaskan keputusan kajian, tetapi pengkaji telah menerangkan kepentingan kejujuran semasa menjawab soal selidik ini dengan jelas sebelum atlet diberi soal selidik.

Definisi Operasional

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis dan mengenal pasti tingkah laku kejurulatihan dalam kalangan jurulatih sepenuh masa. Maka, istilah-istilah yang berkaitan dengan kajian perlu diberi takrifan seperti tingkah laku kejurulatihan dan jurulatih sepenuh masa.

Tingkah Laku Kejurulatihan

Tingkah laku kejurulatihan adalah tingkah laku yang ditunjukkan oleh jurulatih dalam tiga komponen iaitu semasa latihan, pertandingan dan perancangan organisasi (Cote *et al.*, 1999). Tingkah laku ini diukur dengan menggunakan instrumen skala tingkah laku kejurulatihan dalam sukan (CBS-S) semasa kajian dan tujuh sub-skala yang dinilai oleh CBS-S merupakan latihan suaian fizikal, kemahiran teknikal, persediaan mental, penetapan matlamat, strategi pertandingan, hubungan peribadi dan hubungan peribadi yang negatif (Cote *et al.*, 1999).

Jurulatih Sepenuh Masa

Jurulatih adalah seseorang yang memberi bimbingan kepada atlet individu atau sekumpulan atlet untuk membantu dari segi pembangunan dan meningkatkan prestasi sukan (Kent & Sullivan, 2003). Jurulatih sepenuh masa adalah jurulatih yang mempunyai kelulusan kejurulatihan sekurang-kurangnya Sijil Kejurulatihan tahap satu (I) dalam sukan khusus dan Sijil

Sains Sukan tahap satu (I) yang dianjurkan oleh Majlis Sukan Negara. Jurulatih sepenuh masa yang digunakan mempunyai sekurang-kurangnya dua tahun pengalaman bersama dengan atlet atau pasukan itu.

Atlet Yang Melatih Sepenuh Masa

Atlet ialah seseorang yang menyertai acara bersukan dengan melibatkan latihan fizikal, kelajuan dan daya tahan fizikal (Sinclair, 2015). Atlet sepenuh masa adalah atlet yang menjalani latihan samada secara sepenuh masa, berfasa ataupun harian di bawah bimbingan jurulatih (MSN, 2012). Dalam kajian ini, atlet yang berlatih sepenuh masa dan mempunyai sekurang-kurangnya dua tahun pengalaman berlatih bersama dengan jurulatih mereka.

Atlet Pelajar

Pelajar adalah seseorang yang sedang belajar samada di sekolah rendah, menengah atau Institusi (DBP, 2016). Atlet pelajar yang digunakan dalam kajian ini terhad kepada atlet yang masih bersekolah atau meneruskan pengajian mereka di Institusi.

Atlet Bukan Pelajar

Dalam kajian ini, atlet bukan pelajar bermaksud atlet yang telah tamat pengajian di sekolah menengah atau di Institusi.

Atlet Sukan Individu

Sukan individu merupakan sebuah pasukan sukan, di mana melibatkan atlet bersaing secara individu dalam sesuatu acara (Baker, Yardley, & Cote, 2003). Atlet sukan individu ini menyertai acara individu seperti taekwondo, renang, memanah, olahraga, menembak, gimnastik, badminton, boling, judo, lumba basikal, lawan pedang, terjun air, skuasy, golf dan lain-lain yang bertanding secara individu.

Atlet Sukan Berpasukan

Sukan berpasukan merupakan sebuah pasukan sukan, di mana melibatkan atlet lebih daripada seorang dan bersama-sama dengan ahli-ahli pasukan bersaing sebagai satu kumpulan (Baker, Yardley, & Cote, 2003). Atlet berpasukan ini menyertai acara berpasukan seperti bola jaring, bola keranjang, sepak takraw, renang berirama, hoki, bola sepak, ragbi, bola tampar dan lain-lain yang bertanding dalam secara berpasukan.

RUJUKAN

- Alwilsol. (2012). *Psikologi Kepribadian*. Indonesia: UMM press.
- Amorose, A. J., & Horn, T. S. (2000). Intrinsic Motivation: Relationships with Collegiate Athletes' Gender, Scholarship Status, and Perceptions of their Coaches' Behavior. *Journal of Sport & Exercise Psychology* , 22, 63-84.
- Andrew, D. P. (2009). The Impact of Leadership Behavior on Satisfaction of College Tennis Players: A Test of the Leadership Behavior Congruency Hypothesis of the Multidimensional Model of Leadership. *Journal of Sport Behavior* , 261-277.
- Arnason, A., Sigurdsson, S., Gudmundsson, A., Holme, I., Engebretsen, L., & Bahr, R. (2003). Physical Fitness, Injuries, and Team Performance in Soccer. *Medicine & Science In Sport & Exercise* , 278-285.
- Baker, J., Cote, J., & Hawes, R. (2000). The Relationship Between Coaching Behaviors and Sport Anxiety in Athletes. *Journal of Science and Medicine in Sport* (2), 110-119.
- Baker, J., Yardley, J., & Cote, J. (2003). Coach Behaviors and Athlete Satisfaction in Team and Individual Sports. *International Journal of Sport Psychology*.
- Bernamea. (2015, Mei 20). *Atlet Harus Tanggung Kos Vandalisme*. Retrieved Ogos 22, 2015, from BHONLINE: www.bharian.com.my/node/56113
- Bernamea. (2015, Julai 5). *Malaysia Mungkin Boleh Lupa Sukan Olimpik Rio Selepas Kalah 4-1 kepada Ireland*. Retrieved Ogos 28, 2015, from Astro Awani: <http://www.astroawani.com/berita-sukan/malaysia>
- Black, S. J., & Weiss, M. R. (1992). The Relationship Among Perceived Coaching Behaviors, Perceptions of Ability, and Motivation in Competitive Age-Group Swimmers. *Journal of Sport and Exercise Psychology* (14), 309-325.
- Bloom, G. A. (1996). *Competition: Preparing For and Operating in Competition*. Ottawa: Great Job Coach!
- Bloom, G. A., Durand-Bush, N., & Salmela, J. H. (1997). Pre- and Post-Competition Routines of Expert Coaches of Team Sports. *The Sport Psychologist* , 11 (2), 127-141.
- Bull, S. J. (1991). Personal and Situational Influences on Adherence to Mental Skills Training. *The Sport Psychologist* , 13, 121-132.
- Chelladurai, P. (1984). Discrepancy between Preferences and Perceptions of Leadership Behavior and Satisfaction of Athletes in Varying Sports. *Journal of Sport Psychology* , 6 (1), 27-41.

- Chelladurai, P. (1990). Leadership in Sports: A review. *International Journal of Sport Psychology* (21), 328-354.
- Chelladurai, P. (2013). A Personal Journey in Theorizing in Sport Management - Review. *Sport Management Association of Australia* , 16 (1), 22-28.
- Chelladurai, P., & Riemer, H. (1998). Measurement of Leadership in Sport. *Advances in Sport and Exercise Psychology Measurement* , 227-253.
- Chelladurai, P., & Salleh, S. D. (1980). Dimensions of Leader Behavior in Sports: Development of a Leadership Scale. *Journal of Sport Psychology* , 2, 34-45.
- Chua, Y. P. (2006). *Kaedah Penyelidikan*. Malaysia: McGraw Hill.
- Coakes, S., & Ong, C. (2011). *SPSS Version 18.0 for Windows: Analysis without Anguish*. Australia: John Wiley & Sons Australia Ltd.
- Conroy, D. E., & Coatsworth, J. D. (2007). Assessing Autonomy- Supportive Coaching Strategies in Youth Sport. *Psychology of Sport and Exercise* , 8 (5), 671-684.
- Cote, J. (1998). Coaching Research and Intervention: An Introduction To The Special Issue. *Avante* , 4 (3), 1-15.
- Cote, J., Baker, J., & Abernathy, B. (2003). From Play to Practice: A Developmental Framework for the Acquisition of Expertise in Team Sports. *Expert Performance In Sports: Advances in research on Sport Expertise* , 89-114.
- Cote, J., Samela, J., Trudel, P., Baria, A., & Russel, S. (1995). The Coaching Model: A Grounded Assessment of Expert Gymnastic Coaches' Knowledge. *Journal of Sport & Exercise Psychology* , 17 (1), 1-17.
- Cote, J., Yardley, J., Hay, J., Sedgwick, W., & Baker, J. (1999). An Exploratory Examination of the Coaching Behavior Scale for Sport. *Avante* , 5 (2), 82-92.
- Cote, J., Yardley, J. K., Sedgwick, W. A., & Dowd, J. K. (1996). *Development of The Coaching Behaviour Scale*. Canada: Brock University.
- Cushion, C. J., & Jones, R. L. (2001). A Systematic Observation of Professional Top-level Youth Soccer Coaches. *Journal of Sport Behavior* , 24 (4), 1-23.
- d'Arripe-Longueville, Fournier, J. F., & Dubois, A. (1998). The Perceived Effectiveness of Interactions Between Expert French Judo Coaches and Their Athletes. *The Sport Psychologist* , 12 (3), 317-332.
- Dasar Sukan Negara*. (2010). Malaysia: Kementerian Belia dan Sukan.

- Din, A., & Miting, D. (2013). Pengaruh Gaya Kepimpinan Jurulatih terhadap Kepuasan Atlet di Sekolah Sukan Malaysia. *Jurnal Kajian Pendidikan* , 3 (2).
- Dotan, R., Mitchell, C., Cohen, R., Klentrou, P., Gabriel, D., & Falk, B. (2012). Child-Adult Differences in Muscle Activation - A Review. *Pediatric Exercise Science* , 1 (24), 2-21.
- Duda, J., & Hall, H. (2011). *Achievement Goal Theory In Sport: Recent Extensions And Future Directions*. New York: John Wiley & Sons.
- Eaton, M. (2008). Good Coach, Bad Coach. *CrossFit Journal* (67).
- Faigenbaum, A., Kraemer, W., Blimkie, C., Jeffreys, I., Mitcheli, L., & Nitka, M. (2009). Youth Resistance Training: Updated Position Statement Paper from the National Strength and Conditioning Association. *Strength and Conditioning* , 5, 60-79.
- Fairweather, J., & Pratley, A. (2008). *Review Of The Australia Hockey National Training Centre System*. Australia: Australian Sports Commission.
- Fraser-Thomas, J., Cote, J., & Deakin, J. (2005). Youth Sport Programs: An Avenue to Foster Positive Youth Development. *Physical Education and Sport Pedagogy* (10), 19-40.
- Gambetta, V. (2007). *Athletic Development: The Art & Science of Functional Sports Conditioning*. United States: Human Kinetics.
- Gardner, D. E., Shields, D. L., Bredemeier, B. J., & Bostrom, A. (1996). The Relationship Between Perceived Coaching Behaviors and Team Cohesion Among Baseball and Softball Players. *Sport Psychologist* , 10, 367-381.
- Gilbert, W. D., & Trudel, P. (2000). Validation of the Coaching Model (CM) in A Team Sport Context. *International Sport Journal* , 4, 120-128.
- Gould, D., & Carson, S. (2010). Coaching Behaviors and Developmental Benefits of High School Sports Participation. *Hellenic Journal of Psychology* , 7, 298-314.
- Grant, A. M. (1999). Enhancing Performance Through Coaching: The promise of CBT. *Paper presented at the First State Conference of Australian Association of Cognitive* .
- Haslam, I. R., & Smith, D. E. (2002). An Investigation of the Coaching Behaviors among Singapore Coaches. *Physical Education & Recreation* , 7 (1), 21-25.
- Horn, T. S. (2002). Coaching Effectiveness In The Sport Domain. *Advances in Sport Psychology* , 309-354.

- Horn, T. S., Lox, C., & Labrador, F. (1998). The Self-fulfilling Prophecy Theory: When Coaches' Expectation Become Reality. *Applied Sport Psychology* , 74-91.
- Insider, E. (2015, Julai 2). *Harapan Malaysia layak hoki Olimpik berkecai selepas ditewaskan India*. Retrieved Ogos 28, 2015, from The Malaysia Insider: <http://www.themalaysianinsider.com>
- IOC. (2013). *Olympic Charter*. Switzerland: International Olympic Committee.
- Iso-Ahola, S. E., & Hatfield, B. (1996). *Psychology of Sports: A social psychological approach*. Dubuque: W. C. Brown.
- Jones, D. F., Housner, L. D., & Kornspan, A. S. (1997). Interactive Decision Making and Behavior of Experienced and Inexperienced Basketball Coaches during Practice. *Journal of Teaching in Physical Education* , 16, 454-468.
- Kenow, L., & Williams, J. M. (1999). Coach-Athlete Compatibility and Athlete Perceptions of Coaching Behaviors. *Journal of Sport Behavior* (22), 251-259.
- Kent, A., & Sullivan, P. J. (2003). Coaching Efficacy as a Predictor of University coaches' commitment. *International Sports Journal* , 7, 78-88.
- Koh, K. T., Mallett, C., & Wang, C. (2009). Examining the Ecological Validity of the Coaching Behavior Scale (Sports) for Basketball. *Sports Science & Coaching* , 4 (2), 261-272.
- Koh, K., Kawabata, M., & Mallet, C. (2014). The Coaching Behavior Scale for Sport: Factor Structure Examination for Singaporean Youth Athletes. *International Journal of Sports Science and Coaching* , 9 (6), 1311-1324.
- Koh, K. T., & Wang, C. K. (2015). Gender And Type of Sport Differences on Perceived Coaching Behaviours, Achievement Goal Orientations and Life Aspirations of Youth Olympic Game Singaporean Athletes. *ISSP* , 13 (2), 91-103.
- Lee, W. A., Shabeshan, A., & Rengasamy, M. (2014). Gaaya Kepimpinan Jurulatih Yang Diminati Atlet-atlet Sekolah Menengah Di Malaysia Berasaskan Jantina. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan* , 1 (1).
- Leith, L. M. (2009). Goal Setting. In A. S. Kornspan, *Fundamentals of Sport and Exercise Psychology* (p. 44). Champaign: Human Kinetics.
- Loh, D. (2014, May 27). *Attitude, discipline key factors of success*. (M. S. Bhd, Producer) Retrieved May 30, 2016, from MYSinchew.com: <http://www.mysinchew.com/node/98601>

- Lyle, J. (2002). *Sports Coaching Concepts: A Framework for Coaches' Behavior*. New York: Routledge.
- Macri, K. J. (2012). Not Just a Game: Sport and Society in the United States. *Student Pulse* , 4 (08), 1-11.
- Mageau, G. A., & Vallerand, R. J. (2003). The Coach-Athlete Relationship: A Motivational Model. *Journal of Sport Science* , 21 (11), 883-904.
- Mallett, C., & Cote, J. (2006). Beyond Winning and Losing: Guidelines for Evaluating High Performance Coaches. *The Sport Psychologist* , 20, 213-221.
- Martens, R. (2012). *Successful Coaching (4th Edition)*. Champaign: Human Kinetics.
- Martin, G., & Pear, J. (2003). *Behavior Modification: What Is It and How To Do It*. Canada: Prentice Hall.
- Martin, S. B., & Barnes, K. (1999). Coaching Behavior Questionnaire. *Unpublished manual*.
- McCann, S. (2005). "Three Years Tops" How Long Can You Effectively Coach An Athlete? In C. Sellers, *Olympic Coach* (Vol. 17). U.S: United States Olympic Committee.
- Millard, L. (1996). Differences in Coaching Behaviors of Male and Female High School Soccer Coaches. *Journal of Sport Behavior* , 19-35.
- Mohd Majid, K. (2005). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Negara, M. S. (2012, Disember 5). *Akademi Kejurulatihan Kebangsaan*. Retrieved from www.nsc.gov.my
- Nor Aishah, A., & Sharipah Soaad, S. Y. (2014). Sensitivity Analysis of Welch's t-Test. *Research Gate* (1605), 888-893.
- Patriksson, G., & Eriksson, S. (1990). *Young Athletes' Perception of their Coaches*. Brussels: Int. Congress.
- Peng, H. (1997). *Comparison of preferred Coaching Leadership Behavior of Basketball Player at NCAA Division III Level*. (Master's thesis, University of Wisconsin-La Crosse)
- Pensgaard, A. M., & Roberts, G. C. (2002). Elite athletes' experiences of the motivational climate: The coach matters. *Scandinavian Journal of Medicine & Science in Sports* , 12 (1), 54-59.
- Rahimah, S. (2006). Pembangunan Laman Web Sebagai Media Pengajaran Di Politeknik Port Dickson: Topik Garis Imbas. *Jurnal Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia* .

- Rashvinjeet, S. B. (2014, Disember 2014). *Malaysia Football Fans Apologise Over Violence Caused by Hooligans*. (AsiaOne) Retrieved Januari 12, 2015, from The Star/Asia News Network: <http://news.asiaone.com/news/malaysia>
- Rengasamy, S., Lee, W. A., & Ali, S. K. (2013). Gaya Kepimpinan Jurulatih Yang Diminati Atlet-atlet Sekolah Menengah Di Malaysia Berasaskan Jantina Dan Bangsa. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik* , 1 (4), 1-10.
- Riemer, H. A., & Chelladurai, P. (1998). Development of the Athletes Satisfaction Questionnaire (ASQ). *Journal of Sport Exercise Psychology* (20), 127-156.
- Riemer, H. A., & Toon, K. (2013). Leadership and Satisfaction in Tennis: Examination of Congruence, Gender, and Ability. *Research Quarterly for Exercise and Sport* , 243-256.
- Rushall, B. S., & Wiznuk, K. (1985). Athletes' Assessment of the Coach: The Coach Evaluation Questionnaire. *Canadian Journal of Applied Sport Sciences* , 10, 157-161.
- Schliesman, E. (1987). Relationship Between The Congruence of Preferred and Actual Leader Behavior and Subordinate Satisfaction with Leadership. *Journal of Sport Behavior* (10), 157-166.
- Segrave, J. O., & Ciancio, C. A. (1990). An Observational Study of a Successful Pop Warner Football Coach. *Journal Of Teaching In Physical Education* , 9, 294-306.
- Serpa, S. (1999). Relationship Coach-Athlete: Outstanding Trends in European Research. *Portugues Journal of Human Performance Studies* , 12 (1), 7-19.
- Sherman, C. A., Fuller, R., & Speed, H. D. (2000). Gender Comparisons of Preferred Coaching Behaviors in Australian Sports. *Journal of Sport Behavior* , 389-406.
- Shield, D. L., Gardner, D. E., Bredemeier, B. J., & Bostro, A. (1997). The Relationship Between Leadership Behaviors and Group Cohesion in Team Sports. *Journal of Psychology* , 13 (2), 196-210.
- Sidek, M. N. (2002). *Reka Bentuk Penyelidikan: Falsafah, Teori dan Praktis*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Sinclair, J. M. (2015). *Collins English Dictionary 12th edition*. UK: HarperCollins Publishers Ltd.
- Smith, R. E., & Smoll, F. L. (2007). Social-cognitive Approach to Coaching Behaviors. *Social Psychology In Sport* , 75-90.

- Smith, R. E., Smoll, F. L., & Hunt, E. B. (1977). 1977. *A System for the Behavioral Assessment of Athletic Coaches* (48), 401-407.
- Smoll, F. L., & Smith, R. E. (2008). *Children and Youth in Sport: A Biopsychosocial Perspective*. University of Michigan: Kendall/ Hunt Pub.
- Smoll, F. L., & Smith, R. E. (1984). Leadership Research in Youth Sport. *Psychological Foundation of Sport* , 371-386.
- Star, T. (2014, September 5). *Malaysia's Team Need To Improve*. Retrieved from www.thestar.com.my/Sport
- Steven, D., Baker, J., & Cote, J. (2006). Confirmation of The Factor Structure if The Coaching Behavior Scale for Sport. *Manuscript in preparation* .
- Sullivan, P. J., & Kent, A. (2003). Coaching Efficacy As A Predictor of Leadership Style in Intercollegiate Athletics. *Journal of Applied Sport Psychology* , 15, 1-11.
- Taliaferro, L. A., Rienzo, B. A., Miller, M. D., Pigg, R. M., & Dodd, V. J. (2008). High School Youth and Suicide Risk: Exploring Protection Afforded Through Physical Activity and Sport Participation. *Journal of School Health* , 78 (10), 545-553.
- Terry, P. C., & Howe, B. L. (1984). Coaching Preference of Athletes. *Canadian Journal of Applied Sport Sciences* , 9, 188-193.
- Thomas, O., Maynard, T., & Sheldon, H. (2007). Intervening with Athletes During the Time Leading Up to Competition: Theory to Practice II. *Journal of Applied Sport Psychology* , 19 (4), 398-418.
- Tim, D. (2009). *The Sociology of Sport. The Sociology of Sports: An Introduction*. US: McFarland Company.
- Utusan. (2010, Disember 19). *Football: Malaysia Edge Vietnam To Enter AFF Cup Final After 14 Years*. Retrieved Julai 8, 2014, from Utusan Online: <http://ww1.utusan.com.my/utusan/special>
- Walach-Bista, Z. (2014). Leadership Scale For Sports - Theoretical Background And Review Of Psychometric Properties Research. *18* (3), 67-76.
- Wang, Y. T. (1996). A Comparison of the Coach Leadership Behavior Preferred by Male and Female Track and Field athletes.
- Weiss, M. R., Amorose, A. J., & Wilko, A. M. (2009). Coaching Behaviors, Motivational Climate, and Psychological Outcomes Among Female Adolescent Athletes. *Pediatric Exercise Science* , 21, 475-492.
- Williams, J. M., Jerome, G. J., Kenow, L. J., Rogers, T., Sartain, T. A., & Darland, G. (2003). Factor Structure of the Coaching Behavior

Questionnaire and Its Relationship to Athlete Variables. *The Sport Psychologist* (17), 16-34.

Zhang, J., Jensen, B. E., & Mann, B. L. (1997). Modification and Revision of the Leadership Scale for Sport. *Journal of Sport Behavior* , 105-122.



© COPYRIGHT UPM

BIODATA PELAJAR

Tor Sock Wei berasal dari Sungai Petani, Kedah. Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Sin Min dan meneruskan pendidikan menengah di Sekolah Menengah Kebangsaan Sin Min. Seterusnya, beliau melanjutkan pengajian peringkat diploma pendidikan di bidang Pendidikan Jasmani dan Kesihatan di Maktab Perguruan Ilmu Khas di Kuala Lumpur selama tiga tahun. Selepas berkhidmat sebagai seorang guru di Sekolah Kebangsaan Puteri Pandan (1) selama empat tahun, beliau berjaya menyambung pelajaran di Universiti Putra Malaysia dengan mengikuti Program Khas Pensiswazahan Guru dalam kursus Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Jasmani dan Kesihatan pada tahun 2006. Setelah tamat tiga tahun pengajian peringkat sarjana muda, beliau telah ditempatkan di Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Maluri sebagai guru pendidikan jasmani dan kesihatan. Dengan keinginan untuk menambahkan ilmu pengetahuan dalam bidang kejurulatihan dalam sukan, beliau telah memohon untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat sarjana secara sambilan dalam bidang sains sukan di Universiti Putra Malaysia pada tahun 2010.



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

PENGESAHAN STATUS UNTUK TESIS/LAPORAN PROJEK DAN HAKCIPTA

SESI AKADEMIK : _____

TAJUK TESIS/LAPORAN PROJEK :

TINGKAH LAKU KEJURULATIHAN DALAM KALANGAN JURULATIH SEPENUH

MASA DI MALAYSIA

NAMA PELAJAR : TOR SOCK WEI

Saya mengaku bahawa hakcipta dan harta intelek tesis/laporan projek ini adalah milik Universiti Putra Malaysia dan bersetuju disimpan di Perpustakaan UPM dengan syarat-syarat berikut :

1. Tesis/laporan projek adalah hak milik Universiti Putra Malaysia.
2. Perpustakaan Universiti Putra Malaysia mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan akademik sahaja.
3. Perpustakaan Universiti Putra Malaysia dibenarkan untuk membuat salinan tesis/laporan projek ini sebagai bahan pertukaran Institusi Pengajian Tinggi.

Tesis/laporan projek ini diklasifikasi sebagai :

*sila tandakan (\surd)

SULIT

(mengandungi maklumat di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)

TERHAD

(mengandungi maklumat yang dihadkan edaran kepada umum oleh organisasi/institusi di mana penyelidikan telah dijalankan)

AKSES TERBUKA

Saya bersetuju tesis/laporan projek ini dibenarkan diakses oleh umum dalam bentuk bercetak atau atas talian.

Tesis ini akan dibuat permohonan :

PATEN

Embargo _____ hingga _____
(tarikh) (tarikh)

Pengesahan oleh:

(Tandatangan Pelajar)
No Kad Pengenalan / No Pasport.:

Tarikh :

(Tandatangan Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan)
Nama:

Tarikh :

[Nota : Sekiranya tesis/laporan projek ini SULIT atau TERHAD, sila sertakan surat dari organisasi/institusi tersebut yang dinyatakan tempoh masa dan sebab bahan adalah sulit atau terhad.]